



Headline: Akauntan rugi RM68,995
Publication/Portal: Berita Harian
Date: 23 June 2018

Language: Malay
Section: Jenayah
Page: 18

MACAU SCAM

Akauntan rugi RM68,995

➔ Ahli sindiket menyamar jadi pegawai Bank OCBC perdaya mangsa

Oleh Shahrinnahar Latib
cnews@nstp.com.my

✦ Kuantan

Seorang akauntan dan peniaga menjadi mangsa terbaru sindiket Macau Scam, yang menyamar sebagai pegawai bank sehingga mengakibatkan kerugian lebih RM100,000.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata kes pertama membabitkan seorang akauntan wanita ber-

usia 31 tahun dari Cameron Highlands kerugian RM68,995.80 selepas diperdaya sindiket berkenaan, kelmarin.

"Sebelum itu, mangsa yang tinggal di Kampung Raja, menerima panggilan daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai pegawai dari Bank OCBC.

"Suspek menyatakan mangsa mempunyai hutang tertunggak kad kredit bernilai RM3,649.

"Mangsa menafikan perkara berkenaan kerana dia tidak pernah memiliki kad kredit Bank OCBC," katanya dalam satu kenyataan di sini, semalam.

Beliau berkata, suspek kemudian meminta mangsa menutup empat akaun bank yang masih aktif, kerana mendakwa ada orang yang menggunakan data peribadinya untuk membuat kad kredit.

"Suspek meminta mangsa mengikut cara yang diajar untuk menutup semua akaun banknya.

"Mangsa kemudian mengikut segala arahan yang diberikan dan apabila selesai dia baru sedar wang di dalam akaun sudah tiada.

"Selepas membuat semakan dengan pihak bank mendapati transaksi wang yang dipindahkan ke dalam dua akaun bank dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM68,995.80.

"Mangsa yang berasa dirinya ditipu kemudian membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Cameron Highlands semalam untuk siasatan lanjut," katanya.

Peniaga turut ditipu

Sementara itu, Mohd Wazir berkata, dalam kes berasingan, seorang peniaga di Lipis kerugian RM47,997 selepas diperdaya sindiket Macau Scam yang turut menyamar sebagai pegawai Bank OCBC Kuala Lumpur.

"Pada 11 Mei lalu, lelaki ber-

kenaan menerima panggilan daripada seorang suspek yang memperkenalkan diri sebagai Eric Chew dari Bank OCBC di Kuala Lumpur.


"Suspek memaklumkan kepada mangsa bahawa dia mempunyai hutang tunggakan pembayaran bulanan Kad Master OCBC sebanyak RM4,127.

"Mangsa menafikan dia mempunyai sebarang akaun dengan OCBC Bank," katanya.

Beliau berkata, suspek meminta mangsa menghubungi Bank Negara dan memberikannya nombor telefon 1800-818-547 untuk membuat laporan.

"Mangsa kemudian menghubungi nombor berkenaan dan memberikan butiran diri berserta nombor telefon kepada operator.

"Selang 20 minit kemudian, mangsa menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki yang memperkenalkan diri sebagai Chan, mendakwa pegawai Bank Negara Malaysia (BNM).



Mohd Wazir Mohd Yusof

"Suspek juga memberitahu mahu mengemas kini akaun milik mangsa dan perlu mengikut segala arahan yang ditetapkan.

"Suspek kemudian mengarahkan mangsa membuat pemindahan semua wangnya ke dalam dua akaun Bank CIMB yang diberikan," katanya.

Beliau berkata, mangsa membuat lima kali transaksi pemindahan wang secara berperingkat dengan jumlah keseluruhan sebanyak RM47,997.

"Mangsa menyedari dirinya sudah ditipu setelah menerima maklum balas surat yang dihantar BNM bahawa tiada rekod yang dilakukan oleh bank itu pada hari kejadian.

"Kedua-dua kes ini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 10 tahun dan sebat serta boleh dikenakan denda jika sabit kesalahan," katanya.